



PANDUAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT/ LANTIKAN KE GRED YANG LEBIH TINGGI KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

PENDAHULUAN

Panduan ini adalah untuk menerangkan prinsip-prinsip umum dalam eksekusi kenaikan pangkat staf akademik dan juga perkara-perkara yang diambil kira. Panduan ini mengandungi 3 perkara utama dalam proses permohonan kenaikan pangkat kakitangan akademik di UPSI iaitu:

- I- Prinsip-prinsip umum
- II- Perincian kriteria penilaian kenaikan pangkat
- III- Panduan mengisi borang

A. PRINSIP-PRINSIP UMUM

1. Syarat Skim Perkhidmatan

Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 20 Tahun 2008 Perubahan Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM. Pegawai akademik yang hendak ditimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan atau gred yang lebih tinggi dalam skim berkaitan perlu memenuhi syarat-syarat yang seperti berikut:

1.1 Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Pensyarah Kanan (DS52)

Pensyarah Universiti Gred DS45 adalah layak dipertimbangkan ke jawatan Pensyarah Kanan Gred DS52 apabila:

- i. Telah disahkan dalam perkhidmatan.
- ii. Berumur tidak kurang daripada 50 tahun.
- iii. Telah berkhidmat di UPSI melebihi 10 tahun.
- iv. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tidak kurang 80% untuk 3 tahun terakhir.
- v. Bebas daripada tindakan tatatertib, **dan**
- vi. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

1.2 Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Profesor Madya (DS54)

Pensyarah Universiti Gred DS52/51 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya Gred DS54 apabila:

- i. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan di gred jawatan terkini tidak kurang 80% untuk 3 tahun terakhir;
- iii. Bebas daripada tindakan tatatertib, **dan**
- iv. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

1.3 Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Profesor (VK7)

Profesor Madya Gred DS54/53 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor VK7 apabila:

- i. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan di gred jawatan terkini tidak kurang 80% untuk 3 tahun terakhir;
- iii. Bebas daripada tindakan tatatertib, **dan**
- iv. Diperakukan oleh Ketua Jabatan

1.4 Kenaikan Pangkat Dalam Keadaan Istimewa

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil 31 Tahun 2005 (Perubahan Skim-skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti), pensyarah universiti boleh mengemukakan permohonan kenaikan pangkat Dalam Keadaan Istimewa setelah memenuhi syarat-syarat perkhidmatan dan mencapai tahap-tahap kecemerlangan seperti berikut :

- i. Dari DS45 ke Gred DS54 - tahap kecemerlangan akademik yang **sangat terkemuka mutunya.**
- ii. Dari DS45 ke Gred VK7 - tahap kecemerlangan akademik yang **sangat luar biasa mutunya**
- iii. Dari DS51/52 ke Gred VK7 - tahap kecemerlangan akademik yang **luar biasa mutunya.**

2. Pengendalian Urusan Kenaikan Pangkat

Pengendalian urusan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya Gred DS54 dan Profesor VK5/6/7 adalah terbuka sepanjang tahun dan tiada tempoh masa yang ditetapkan.

Pemohon boleh mengemukakan permohonan rasmi mereka pada bila-bila masa yang mereka fikirkan sesuai setelah memenuhi kriteria-kriteria kenaikan pangkat yang ditetapkan oleh pihak universiti melalui **Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti** masing-masing.

3. Kriteria Kenaikan Pangkat

Syarat dan skor markah kriteria dipaparkan di laman web Bahagian Sumber Manusia, UPSI dan setiap pensyarah perlu mengemukakan permohonan kenaikan pangkat berdasarkan format yang ditetapkan.

Kriteria dan format skor kriteria dilampirkan dan perinciannya dijelaskan dalam prosedur permohonan kenaikan pangkat.

4. Asas Pertimbangan Calon dan Pelantikan Penilai

Semua urusan kenaikan pangkat jawatan Profesor Madya/Profesor adalah berdasarkan kecemerlangan calon dan tidak tertakluk kepada kekosongan jawatan.

Dalam melaksanakan proses kenaikan pangkat jawatan Profesor Madya dan Profesor, Universiti juga melantik Penilai-penilai Luar bagi membantu Universiti menilai kesesuaian calon untuk kenaikan pangkat ke jawatan tersebut.

5. Pelantikan Penilai Luar

Pihak Universiti akan mendapatkan laporan daripada penilai luar bagi kenaikan pangkat ke Profesor Madya dan Profesor. Penilai Luar bagi kenaikan adalah terdiri daripada pegawai akademik yang bertaraf Profesor dalam bidang kepakaran yang berkaitan (dari dalam atau luar negara). Nama-nama Penilai Luar adalah dicadangkan oleh fakulti dan perlu diluluskan oleh Pihak Pengurusan Universiti/Jawatankuasa Pemilih sebelum surat lantikan dibuat oleh Pejabat Pendaftar.

Pemohon dibenarkan mencalonkan 10 Penilai Luar yang bertaraf Profesor (Empat (4) dari luar Negara dan enam (6) dalam Negara) melalui pihak Fakulti. Penentuan dan pemilihan penilai yang dicadangkan oleh adalah tertakluk kepada perakuan pihak Pengurusan Universiti/Jawatankuasa Pemilih Universiti.

Penyelia tesis peringkat Sarjana dan Ph.D pemohon tidak boleh dinamakan sebagai cadangan penilai luar.

6. Penilaian oleh Penilai Luar

Pihak urusetia akan mengemukakan maklumat calon secara atas talian (online) iaitu Curriculum Vitae (CV) pemohon, bahan-bahan penerbitan dan maklumat berkaitan pemohon kepada Penilai Luar yang terdiri daripada dalam negara dan luar negara bagi kenaikan ke jawatan Profesor Madya dan Profesor.

7. Perujuk Peribadi

- 7.1 Calon dikehendaki untuk mendapatkan sendiri laporan daripada Perujuk Peribadi dan di hantar bersama dokumen-dokumen permohonan.
- 7.2 Calon digalakkan untuk mendapatkan Perujuk Peribadi dikalangan ahli akademik yang boleh memberi laporan dari segi kepakaran/penglibatan calon sebagai ahli akademik.

8. Curriculum Vitae (CV)

Setiap calon yang mengemukakan permohonan perlu mengemaskini Curriculum Vitae (CV) yang terkini (mengikut format yang ditetapkan seperti di dalam Portal UPSI).

Penilaian kenaikan pangkat adalah berdasarkan maklumat yang terdapat dalam CV.

9. Pertimbangan Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti

Permohonan yang telah lengkap perlu dikemukakan kepada Dekan Fakulti untuk semakan kriteria kenaikan pangkat oleh Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti.

Fakulti bertanggungjawab membuat verifikasi/memperakukan senarai penerbitan jurnal, penyelidikan dan kriteria lain yang ditetapkan melalui Jawatankuasa Kesepakatan peringkat fakulti. Keahlian Jawatan kuasa adalah seperti berikut:

Dekan - Pengerusi
Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) - Ahli
Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) - Ahli
Ketua Jabatan - Ahli
2 orang Ahli bertaraf Profesor/Pensyarah bidang
Penolong Pendaftar Fakulti - Setiausaha

Fakulti perlu mengemukakan Laporan JK Kesepakatan Fakulti kepada Pendaftar berserta dokumen permohonan pegawai untuk tindakan selanjutnya pihak BSM.

10. Pertimbangan Jawatankuasa Pemilih

Permohonan yang telah lengkap akan dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemilih. Calon-calon dikehendaki hadir semasa sesi temu duga diadakan.

11. Penilaian

Jawatankuasa Pemilih akan menimbangkan kelayakan calon dan juga prestasi mereka berdasarkan perkara-perkara berikut:

- 10.1 CV terkini yang diserahkan
- 10.2 Calon memenuhi Skor Kriteria Kenaikan Pangkat
- 10.3 Lampiran-lampiran penerbitan dan bahan-bahan berkaitan
- 10.4 Laporan Penilai Luar
- 10.5 Laporan perujuk peribadi (referees)

12. Perakuan Jawatankuasa Pemilih

Calon yang layak untuk kenaikan pangkat akan diperakuan untuk kelulusan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) atau Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bagi jawatan Profesor. MPE/LPU akan membuat keputusan meluluskan/tidak meluluskan perakuan oleh Jawatankuasa Pemilih.

13. Kelewatan Yang Mungkin Timbul

Dalam urusan ini kelewatan mungkin timbul apabila Pejabat Pendaftar lambat menerima Laporan Penilaian daripada Penilai Luar terutama penilai yang dilantik adalah terdiri daripada penilai luar negara. Walau bagaimanapun, urusan ini akan cuba diselesaikan dalam tempoh sesingkat yang boleh.

14. Pemberitahuan Keputusan Kenaikan Pangkat

Keputusan MPE/LPU mengenai kenaikan pangkat akan dimaklumkan kepada calon selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja apabila minit berkaitan diterima daripada Pejabat Pendaftar.

PANDUAN MENGISI BORANG

PERINCIAN KRITERIA PENILAIAN KENAIKAN PANGKAT

Borang Skor Kriteria Kenaikan Pangkat mempunyai lima (5) bahagian A, B, C, D, E yang membawa markah keseluruhan 100%. Calon perlu mengisi dalam ruangan bilangan secara jujur dan perlu menghantar semua lampiran-lampiran berdasarkan kepada susunan yang telah ditetapkan dalam ruangan lampiran sebagai bahan bukti. Calon mungkin mendapat markah melebihi 100% **tetapi calon perlu memastikan memenuhi markah pada setiap bahagian bagi kriteria yang ditetapkan.**

1. Penerbitan

- a) Penilaian bagi bahagian penerbitan adalah berdasarkan penilaian secara sumatif iaitu hasil penerbitan dinilai mulai calon mendapat kelayakan sarjana/Ph.D dan menceburi kerjaya sebagai ahli akademik atau kerjaya lain yang berkaitan.
- b) Bagi jawatan kenaikan pangkat ke Profesor VK7, Kriteria Penerbitan hanya akan mengambil kira jumlah artikel yang diterbitkan selepas lantikan ke Profesor Madya.
- c) Bagi kriteria Penerbitan, sekurang-kurangnya 60% artikel jurnal/buku yang diterbitkan hendaklah di dalam bidang pengkhususan pegawai dan 50% adalah sebagai Penulis Utama.
- d) Penyelidikan dan Penerbitan diberikan keutamaan tertinggi kerana aktiviti ini bukan sahaja dapat memperluaskan bidang pengetahuan tetapi juga menyumbang kepada aktiviti pengajaran yang lebih berkesan (lebih terkini, lebih 'hands-on', dsb.) Malah, aktiviti ini akan menyumbang kepada semua aktiviti lain yang disenaraikan.

1.1 Jenis-jenis Penerbitan

- ii. Penerbitan daripada hasil penyelidikan yang terdiri daripada buku penyelidikan dan monograf perlu diwasit, disunting dan diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf.
- iii. Buku penyelidikan ialah karya ilmiah yang dihasilkan daripada kajian, penyelidikan atau pemikiran yang menyumbang kepada pembinaan ilmu dan diiktiraf sebagai karya yang bermutu tinggi melalui proses penilaian.
- iv. Siri monograf ialah karya ilmiah berbentuk buku tentang suatu subjek spesifik dan terhad yang didokumenkan secara terperinci dan biasanya dihasilkan oleh seorang pengarang.
- v. Penerbitan jurnal, e-jurnal dan prosiding. Calon diminta untuk menyatakan salinan 'author search' pangkalan data ISI atau pangkalan data antarabangsa lain.

- vi. Bab dalam buku; asas pertimbangan adalah berdasarkan;
 - Sidang editor
 - Penyumbang
 - Penerbit
 - Penilaian/wasit
- vii. Buku Antologi (novel/antologi, cerpen/puisi); karya asli yang bermutu tinggi dalam bentuk penulisan (seperti novel, cerpen dan puisi) dan seni tampak (seperti catan, lakaran, arca dan fotografi).
- viii. Karya kreatif profesional/studio/lukisan/tulisan muzik; karya asal dalam seni halus, reka bentuk, muzik, drama dan teater (individu) (setiap hasil) (sila nyatakan tajuk penerbitan, tarikh, tempat dan maklumat lain yang berkenaan. Karya asal ini mestilah diiktiraf oleh badan luar. Penilaian yang dibuat berasaskan badan penerbit bukan penerbitan tersebut. Setiap hasil karya yang akan dinilai mestilah telah dipersembahkan/diakam/dipamer ditayang/diprototaipkan oleh badan luar. Contoh badan yang diiktiraf ialah seperti pementasan di Istana Budaya.
- ix. Penilaian mestilah terhadap satu hasil sahaja. Contohnya, drama yang dipentaskan beberapa kali di tempat yang berbeza akan dikira sekali sahaja.
- x. Paten; pemarkahan diberikan kepada produk yang dipaten dan bukan pada bilangan lokasi paten tersebut difailkan.

2. Penyelidikan

- a) Setiap aktiviti penyelidikan yang boleh dinilai adalah berdasarkan aktiviti penyelidikan selepas kenaikan pangkat jawatan terkini sebagai Ketua Projek dan perlu dikemukakan dengan melampirkan surat kelulusan.
- b) Aktiviti penyelidikan yang boleh dinilai adalah berdasarkan aktiviti penyelidikan dari Geran Universiti/Luar dan didaftarkan di bawah RMIC dengan melampirkan surat kelulusan. Pemohon perlu menyatakan perincian aktiviti penyelidikan tersebut seperti berikut:
 1. Jenis penglibatan:
 - Ketua program
 - Ketua projek
 2. Peringkat:
 - Antarabangsa
 - Kebangsaan
 - Universiti(Sila nyatakan juga sama ada ianya melibatkan badan antarabangsa, persatuan profesional atau industri)

3. Sumber kewangan/dana penyelidikan/penaja (contoh):
 - Kementerian; Techo Fund, PR/SR, Science Fund, SAGA, FRGS
 - Agensi kerajaan; FELDA
 - Industri; INTEL, TORAY dan lain-lain.

3. Pengajaran

Sebagai sebuah Universiti Pendidikan, UPSI menumpukan terhadap aktiviti pengajaran dan ianya dapat mengukur tugas rasmi permohonan. Penilaian adalah berdasarkan aktiviti pengajaran sekurang-kurangnya dua (2) kursus setiap semester dan mendapat 80% bagi markah penilaian pelajar.

4. Penyeliaan

Keunggulan calon digambarkan oleh bilangan siswazah yang diselia dengan jayanya (penyeliaan/tamat pengajian). Setiap permohonan perlu menyelia pelajar pasca siswazah mengikut jumlah/kesetaraan yang dinyatakan dalam kriteria berdasarkan jawatan yang dipohon dan mengemukakan maklumat/bukti seperti surat pelantikan dan pengesahan tamat pengajian pelajar di bawah seliaannya.

5. Perundingan

Kategori ini merujuk keupayaan seseorang ahli akademik untuk memberikan khidmat perundingan dalam bidang kepakarannya melalui pelantikan untuk menyelesaikan masalah tertentu. Oleh yang demikian, pemberian markah akan berdasarkan projek dan calon perlulah dilantik sebagai perunding.

Pada asasnya, dua (2) jenis perundingan dikenal pasti, iaitu perundingan yang mempunyai ganjaran dan perundingan yang tidak mempunyai ganjaran. Perbezaan asas antara kedua-duanya ialah ganjaran kewangan yang diperolehi calon (tidak termasuk honorium, per diem, dsb.) dan sama ada projek ini melibatkan pembayaran kepada Universiti atau tidak.

Perundingan yang membawa kewangan digalakkan dalam era pengkorporatan. Akan tetapi, projek-projek yang berbentuk khidmat kepada masyarakat (tanpa caj) terus digalakkan dengan syarat calon tidak akan mengambil keuntungan dari projek tersebut. Pemohon perlu mengemukakan surat pelantikan dan laporan perundingan.

6. Asas Penilaian Lain

Walaupun aktiviti khidmat kepada Universiti/khidmat masyarakat/penglibatan sukan tidak diambil kira dalam lima (5) kriteria utama bagi penilaian kenaikan pangkat seperti dinyatakan tetapi akan diambil kira bagi pertimbangan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat untuk dipanggil ke sesi temu duga.

Khidmat kepada Universiti merujuk kepada penglibatan dan sumbangan seseorang ahli akademik dalam semua aktiviti Universiti untuk menjayakan wawasan, perancangan dan hala tuju Universiti. Terdapat dua jenis penglibatan:

- a. berasaskan jawatan pentadbiran (contoh: Dekan/ Pengarah, Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah, Pengerusi/Penyelaras).
- b. berasaskan keupayaan dan kepakaran individu.

Khidmat masyarakat merujuk sumbangan seseorang ahli akademik kepada masyarakat di luar Universiti, khususnya dalam bidang/aktiviti bukan akademik.

Maklumat Lanjut/ Pertanyaan

Sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, sila hubungi:

Unit Perjawatan Akademik
Bahagian Sumber Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tel: 05 4506339/6338/6328
Faks: 05 459 5488

***Bahagian Sumber Manusia
Unit Perjawatan Akademi***